

23/06/2001

Generasi muda wajar sertai perjuangan Umno

PERHIMPUNAN Agung Umno bermula kelmarin berlangsung dalam keadaan yang penuh cabaran, dalam erti ia menghadapi tugas amat berat untuk memperkukuh dirinya dalam menghadapi ujian getir pada masa depan.

Walaupun pada hakikatnya Umno adalah parti terbesar tanah air, ia juga adalah sebuah organisasi yang banyak masalah.

Masalahnya yang terbesar ialah bagaimana mempertahankan kedudukannya sebagai sebuah parti terkuat dan paling berpengaruh.

Sejak pilihan raya umum lalu, Umno terus mengambil langkah yang ditujukan untuk memulihkan kekuatan dan pengaruhnya.

Sekalipun ia adalah parti yang masih unggul, ternyata parti lawannya juga tidak kurang berpengaruh.

Sementara pengaruh Umno merosot, sebaliknya pengaruh pembangkang, terutama Pas, meningkat.

Satu tindakan tegas yang diambil Umno baru-baru ini ialah untuk menghapuskan politik wang dalam parti.

Tetapi ini hanya salah satu daripada penyakit Umno yang begitu lama dikesalkan sangat oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Umno bukan sekadar perlu menghapuskan politik wang di dalam parti, tetapi juga menghidupkan kembali semangat juang di kalangan anggotanya.

Berikutan pilihan raya umum lalu, jelas sekali semangat ahli Umno pada peringkat akar umbi terjejas.

Mereka seolah-olah putus asa dan tidak mempunyai pengertian terhadap fasa baru yang dihadapi oleh parti berikutan prestasi yang merosot dalam pilihan raya lalu.

Untuk bersikap adil kepada kepemimpinan Umno, harus diakui bahawa langkah yang berani telah diusahakan untuk mengemaskinikan Umno menghadapi cabaran baru.

Langkah untuk memberikan nafas baru kepada Umno telah dijalankan untuk menghadapi masalah yang timbul berikutan prestasinya yang merosot itu.

Walaupun kita tidak boleh mengatakan kekuatan Umno telah pulih sepenuhnya, harus diakui bahawa Umno sebagai sebuah organisasi terbesar tanah air tetap gagah.

Satu tanda bahawa ia masih unggul ialah tidak terdapat gejala yang menunjukkan bahawa sebagai sebuah organisasi, kemampuan Umno untuk mengerah warganya telah rapuh.

Ia masih berupaya mengumpulkan tenaga anggotanya meniupkan nafas baru di kalangan anggotanya. Bagaimanapun, masih banyak lagi usaha diperlukan untuk memulihkan kesedaran dan kekuatannya sebagaimana dahulu.

Harapan Umno pada masa depan terletak kepada generasi muda. Kerana itu, segala usaha perlu dilakukan untuk memastikan bahawa Umno akan tetap relevan kepada aspirasi generasi muda.

Tanpa tenaga generasi muda, ia akan menjadi sebuah parti yang hanya khusus untuk angkatan tua belaka.

Kerana itu, amat penting untuk Umno berusaha bahawa generasi muda tetap mempunyai tempat dalam agenda perjuangannya.

Dalam satu ucapan saya beberapa tahun lalu kepada Pemuda Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), saya ditanya apakah pada pendapat saya terhadap kelemahan di kalangan tidak sahaja Pemuda Umno, tetapi juga belia negara ini.

Saya katakan bahawa generasi muda sekarang tidak mempunyai idealisme.

"Generasi muda wajar mempunyai idealisme," kata saya, "kerana ini akan

menjadi pendorong mereka untuk berjuang dan berusaha mencapai kemajuan diri mereka dan juga negara.

"Tetapi malangnya," kata saya, "generasi muda sekarang mempunyai idealisme untuk menjadi orang korporat belaka. Mereka menyertai parti politik bukan untuk memperjuangkan negara dan agama, sebaliknya untuk menjadi usahawan yang berjaya. Parti hanya menjadi saluran untuk memenuhi cita-cita menjadi usahawan yang maju."

(END)